

22 DEC 1998

Agong-Perutusan/I

AGONG UCAP TAHNIAH KPD MAHARAJA AKIHITO

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Maharaja Akihito dari Jepun sempena ulang tahun ke-65 baginda esok dengan harapan agar baginda terus dikurniakan kesihatan yang baik.

Dalam kenyataan menerusi Wisma Putra di sini hari ini, Tuanku Ja'afar bertitah Malaysia yakin Jepun akan menikmati kedamaian, kestabilan dan kemakmuran berterusan dan semoga hubungan antara kedua-dua negara terus diperkukuhkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya Keizo Obuchi berkata beliau yakin Jepun akan berjaya mengatasi semua masalah ekonominya serta terus menikmati kemakmuran dan kemajuan di bawah pemerintahan Maharaja Akihito.

"Saya berasa gembira kerana di bawah pemerintahan Maharaja Akihito, terdapat peningkatan yang bermakna dalam pertukaran lawatan antara pemimpin dan rakyat kedua-dua negara.

"Ini telah memperkukuhkan persahabatan dan kerjasama kita dan ia baik untuk hubungan antara kedua-dua negara kita pada masa depan," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia menghargai persahabatan dengan Jepun dan berharap kedua-dua kerajaan akan terus bekerjasama rapat untuk memperkukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin.

Beliau menghargai kesempatan bertemu dengan Obuchi di sidang kemuncak Asean di Hanoi baru-baru ini dan berharap menjalin hubungan kerja yang berjaya dengan Perdana Menteri Jepun itu pada tahun-tahun akan datang.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi turut menghantar perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya Masahiko Koumura.

--BERNAMA

AKT RHM MAI